



Anwar menjawab soalan pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

Malaysia bantah perairan jadi laluan pertahanan luar

Isu sempadan turut babitkan negara jiran, tak tertumpu hanya kepada China

Oleh Nazura Ngah dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia akan terus menegur dan membantah sekiranya perairan negara digunakan sebagai laluan pertahanan oleh mana-mana negara tanpa izin, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, isu sempadan dihadapi Malaysia tidak hanya menjerus terhadap pertikaian dengan China semata-mata.

"Malaysia punya isu dengan semua negara jiran. Thailand, Filipina, Indonesia, Singapura dan Brunei. Sebab itu, kita kurang setuju bila permasalahan sempadan ini hanya dirujuk dengan China, sedangkan kita punyai masalah juga (dengan negara lain).

"Masalah ini tidak menjejaskan hubungan diplomatik, perdagangan dengan jiran kita, pendirian yang sama juga (oleh negara jiran lain).

"Kita akan terus menegur dan membantah sekiranya perairan kita itu digunakan sebagai laluan pertahanan tanpa izin Malaysia," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Seri Taki-

yuddin Hasan (PN-Kota Bharu) pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Anwar mengulangi pendekatan Malaysia dalam berdepan isu sempadan ini melalui rundingan dan dialog.

"Tapi kita dari segi Malaysia, tak berganjak pendirian tentang kawasan milik Malaysia. Sebab itu cari gali minyak oleh PETRONAS, termasuk di kawasan (projek gas) Kasawari diteruskan.

"Walaupun dibangkitkan oleh China, kita kata akan teruskan (cari gali), tapi tak pernah tutup ruang untuk berbincang dengan mana-mana negara," katanya.

Konsensus isu sempadan

Anwar berkata, pada peringkat ASEAN, konsensus dicapai sebarang isu sempadan yang berbangkit akan diselesaikan mengikut kerangka Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut (UNCLOS) 1982.

"Pada mesyuarat ASEAN lalu, di hadapan Amerika Syarikat (AS) dan China, termasuk Jepun, Korea Selatan dan ASEAN, saya tegaskan mengenai keperluan untuk terikat kepada UNCLOS 1982.

"Perjanjian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu mengikat dan saya lihat maklum balas daripada China yang setuju penyelesaian (sempadan) mengikut kerangka UNCLOS," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata Malaysia akan terus menyuarakan pendirian tegas berhubung isu Laut China Selatan di

pelbagai platform bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara terus kekal terpelihara.

Katanya, pendirian negara dalam isu berkenaan jelas dan konsisten, malah kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan kerajaan.

Tegasnya, semua pertikaian dan penyelesaian isu Laut China Selatan hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuk UNCLOS 1982.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis disiarkan di laman web Parlimen sebagai menjawab soalan dikemukakan Datuk Verdon Bahanda (BE-BAS-Kudat) yang meminta Menteri Luar menyatakan pendirian kerajaan dalam konflik tuntutan di Laut China Selatan.

Mohamad berkata, setiap tindakan diambil kerajaan dalam pengendalian isu berkenaan berdasarkan pertimbangan menyeluruh tanpa mengetepikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara.

Katanya, isu berkaitan Laut China Selatan adalah isu yang kompleks dan sensitif, sekali gus menuntut dikendalikan secara berhati-hati, teliti serta menyeluruh.

Beliau berkata, sebagai Pengerusi ASEAN pada 2025 dan Negara Penyelaras Hubungan Dialog ASEAN-China untuk tempoh tiga tahun dari Ogos 2024 hingga Julai 2027, Malaysia komited menyelesaikan isu berkaitan Laut China Selatan secara membina dengan menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai.